

Masuk bilik dan rogol remaja perempuan, lelaki dipenjara 13 tahun dan lima sebatan

KUCHING: Padah masuk ke bilik remaja perempuan berusia 12 tahun melalui tingkap pada jam 1 pagi dan merogol mangsa, seorang pemuda dipenjara 13 tahun dan dikenakan lima sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Mohamad Najib Shamsudin, 21, yang tidak diwakili peguam mengaku bersalah apabila dituduh mengikut Seksyen 376(2)(d) Kanun Keseksaan di hadapan Hakim Iris Awen Jon.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun dan boleh disebat jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang merupakan pekerja kilang didakwa merogol mangsa ketika berada di sebuah rumah di sebuah kampung di Jalan Bako sekitar jam 1 pagi pada 31 Ogos lalu.

Fakta kes mendedahkan kakak angkat mangsa (pengadu) berusia 25 tahun membuat pemeriksaan di bilik adiknya (mangsa) dan menyedari terdapat sesuatu yang mencurigakan di bawah selimut.

Pengadu kemudian terus menarik selimut tersebut dan terkejut apabila mendapati seorang lelaki yang dikenali dengan nama panggilan Najib, berusia dalam lingkungan

20-an dan juga merupakan penduduk kampung, berada di sisi mangsa.

Curiga akan keadaan tersebut, pengadu membuat laporan polis dan siasatan membawa kepada penangkapan tertuduh.

Hasil siasatan mendapati pada hari kejadian, tertuduh masuk ke bilik tidur mangsa melalui tingkap dan merogol mangsa, selain berada di dalam bilik tersebut sehingga dijumpai pengadu pada jam 9 pagi.

Oleh itu, tertuduh didapati telah melakukan kesalahan merogol mangsa yang berumur 12 tahun 8 bulan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya Chuah

Kai Sheng memohon hukuman berat dijatuhkan terhadap tertuduh dan berhujah bahawa ia bukan semata-mata bertujuan untuk menghukum tertuduh, tetapi juga sebagai pengajaran dan peringatan kepada masyarakat umum.

“Kes rogol merupakan satu kesalahan yang amat serius dan membawa impak besar terhadap mangsa.

“Pihak pendakwaan turut memohon mahkamah mengambil maklum mengenai jumlah kes rogol yang direkodkan sepanjang tahun 2025, iaitu sebanyak 2,074 kes, satu angka yang amat membimbangkan,” tegasnya.